

Kain rentang cetus isu

Sebahagian penduduk tak selesa dengan tulisan berbaur provokasi

MOHD FAHMI ISMAIL

SUBANG - Isu Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 makin panas apabila beberapa kain rentang berbaur provokasi dinaikkan pihak tertentu di kawasan perumahan itu.

Sinar Harian difahamkan sejak kelmarin beberapa kain rentang yang membidas tindakan pihak luar cuba campur tangan dalam isu di penempatan itu dan juga sindiran terhadap Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dipercayai salah satu punca kain rentang berkenaan dinaikkan kerana ada penduduk tidak puas hati dengan tindakan Ketua Umno Bahagian Kelana Jaya, Datuk Yusof HM Hanif yang dianggap sebagai orang luar membuat sidang media minggu lalu berkaitan notis PPR Lembah Subang 1.

Bagaimanapun pihak yang menggantung kain rentang itu tidak diketahui sehingga mengundang perasaan kurang senang segelintir penduduk sekitar.

Ketua Kaum Masyarakat India Lembah Subang 1, S Padnmanagan berkata, pihaknya tidak mengetahui siapa yang menulis dan meletakkan kain rentang itu namun tidak menolak kemungkinan ia dilakukan bermotif politik.



Beberapa kain rentang berbaur provokasi mengundang ketidakselesaian penduduk PPR Lembah Subang 1.

"Dah macam surat layang yang bertujuan kelirukan penduduk. Saya lihat cara ini tak betul.

"Kita tiada masalah. Jangan susahkan penduduk dan jangan main politik," katanya.

Padnmanagan yang juga Ahli Jawatankuasa Kesejahteraan Pembangunan Lembah Subang 1, turut membuat laporan di Balai Polis Kelana Jaya dan mahu siasatan segera terhadap tindakan provokasi tersebut.

Sementara itu, Pengerusi Tabika Kemas KPKT Lembah Subang yang turut dikaitkan dalam tulisan kain rentang itu, Abu Shahib Mohd Suki pula menafikan dakwaan kononnya Tadika Kemas yang dibina di Blok C adalah



Azizah (kiri) dan rakannya, Norazlin Rahim menunjukkan lif yang rosak dan belum dibaiki.

haram dan tiada Sijil Layak Menduduki (CF).

"Tadika ini diluluskan kementerian pada 1 Jun 2017 oleh Kemas Daerah Petaling Jadi tiada isu timbul tadika haram.

"Kita ada sijil untuk buktikan dan sekiranya berulung lagi tuduhan melulu ini, saya akan minta pihak Kemas buat tindakan selanjutnya atau menyaman pihak berkenaan," katanya.